PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon anak Negeri Selangor yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti di bawah.

BIL.	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	BIL. KOSONG	TARAF JAWATAN	GAJI
1.	Pegawai Tadbir	Pentadbiran dan Sokongan	Pengurusan Dan Profesional	N41	1	Tetap	P1T1 1690.28 - P1T27 4640.28 P2T1 1784.90 - P2T27 4918.55 P3T1 1883.70 - P3T27 5220.62
2.	Kurator	Sosial	Pengurusan Dan Profesional	S41	2	Tetap	P1T1 1688.89 - P1T27 4638.89 P2T1 1783.51 - P2T27 4917.16 P3T1 1882.31 - P3T27 5219.23
3.	Penolong Kurator	Sosial	Sokongan	S27/S32	1	Tetap	P1T1 1204.55 - P1T26 3027.10 P2T1 1274.13 - P2T26 3213.25 P3T1 1346.73 - P3T26 3405.26
4.	Pembantu Muzium	Sosial	Sokongan	S17	2	Tetap	P1T1 820.38 - P1T24 2151.35 P2T1 871.81 - P2T24 2272.50 P3T1 924.75 - P3T24 2397.95
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pentadbiran dan Sokongan	Sokongan	N17/N22	3	Tetap	P1T1 820.38 - P1T24 2151.35 P2T1 871.81 - P2T24 2272.50 P3T1 924.75 - P3T24 2397.95
6.	Pembantu Setiausaha Pejabat / Setiausaha Pejabat	Pentadbiran dan Sokongan	Sokongan	N17/N22/ N27/N28	1	Tetap	P1T1 820.38 - P1T24 2151.35 P2T1 871.81 - P2T24 2272.50 P3T1 924.75 - P3T24 2397.95

7.	Pembantu Akauntan	Kewangan	Sokongan	W17/W22	1	Tetap	P1T1 821.89 - P1T24 2152.86 P2T1 873.32 - P2T24 2274.01 P3T1 926.26 - P3T24 2399.46
8.	Ahli Fotografi	Bakat Dan Seni	Sokongan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	B17/18/ B21/22	1	Tetap	P1T1 827.94 - P1T24 2177.15 P2T1 880.88 - P2T24 2298.18 P3T1 935.33 - P3T24 2423.63
9.	Juruteknik	Kejuruteraan	Sokongan	J17/J22	2	Tetap	P1T1 843.06 - P1T26 2325.37 P2T1 896.00 - P2T26 2452.46 P3T1 950.45 - P3T26 2583.95
10.	Pereka	Bakat Dan Seni	Sokongan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	B17/18/ B21/22	2	Tetap	P1T1 827.94 - P1T24 2177.15 P2T1 880.88 - P2T24 2298.18 P3T1 935.33 - P3T24 2423.63
11.	Pembantu Keselamatan	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	Sokongan	KP17/KP22	2	Tetap	P1T1 820.38 - P1T24 2151.35 P2T1 871.81 - P2T24 2272.50 P3T1 924.75 - P3T24 2397.95
12.	Artis Budaya	Bakat Dan Seni	Sokongan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	B17	6	Kontrak	P1T1 827.94 - P1T24 2177.15 P2T1 880.88 - P2T24 2298.18 P3T1 935.33 - P3T24 2423.63
13.	Ahli Muzik	Bakat Dan Seni	Sokongan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	B17	1	Kontrak	P1T1 827.94 - P1T24 2177.15 P2T1 880.88 - P2T24 2298.18 P3T1 935.33 - P3T24 2423.63

CARA DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. CARA MEMOHON

a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang PADAT (1) yang boleh didapati di **Kaunter Pertanyaan, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor, d/a Muzium Sultan Alam Shah, Persiaran Bandaraya, 40000 Shah Alam**, dengan bayaran RM 2.00 sekeping. Calon-calon yang ingin memohon borang melalui pos mestilah menyertakan sampul surat bersetem RM 1.00, berukuran 26sm x 18sm yang beralamat sendiri dan wang pos sebanyak RM 2.00 di atas nama **Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor**.

b) Setiap permohonan hendaklah menyatakan keterangan lengkap mengenai peribadi, kelayakan pengalaman, sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran dan sijil-sijil akademik berkaitan yang telah disahkan.

c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Rekod Perkhidmatan Pegawai dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.

d) Permohonan yang berikut akan **DITOLAK :-**

i) Tidak menggunakan Borang PADAT (1).

ii) Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan.

iii) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak terang.

iv) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.

v) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat.

vi) Borang permohonan yang tidak disahkan dan ditandatangani.

vii) Permohonan yang lewat.

2. KELAYAKAN

1. JAWATAN : PEGAWAI TADBIR, GRED N41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

   (ii) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : P1T3); atau

   (iii) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : P1T4); dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

2. JAWATAN : KURATOR, GRED S41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sosiologi, antropologi, sejarah, kaji purba, zoologi, sastera, seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, permuziuman atau konservasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : P1T3); atau

(ii) ijazah sarjana dalam bidang permuziuman yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41 : P1T6); dan

(d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Kurator adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Kurator Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

3. JAWATAN : PENOLONG KURATOR, GRED S27/S32

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S27 : P1T1); atau

   (ii) diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, sains, permuziuman atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S27 : P1T5); dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Muzium adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Kurator Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

   (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

   (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4. JAWATAN : PEMBANTU MUZIUM, GRED S17

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred S17 : P1T1); dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Keutamaan akan diberi kepada calon yang mendapat kepujian dalam subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut).

5. JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N17/N22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan

   (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

   (Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

6. JAWATAN : PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/SETIAUSAHA PEJABAT, GRED N17/N22/N27/N28

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED N17

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota ringkas (*note taking*) dengan kederasan 20 p.s.m. daripada rencana dan menaip salinan trengkas sederas 15 p.s.m. dengan kesalahan tidak melebihi 4.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17 : P1T2).

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer).

KELAYAKAN LANTIKAN TERUS KE GRED N27

(d) (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : P1T1); atau

(ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : P1T5); dan

(e) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7. JAWATAN : PEMBANTU AKAUNTAN, GRED W17/W22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut; atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T2); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T5); atau

(iv) sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1T9); dan

(d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

8. JAWATAN : AHLI FOTOGRAFI, GRED B17/18/B21/22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan minimum bagi:

- Gred B17 ialah pada : P1T1;
- Gred B21 ialah pada : P1T4;
- Gred B27 ialah pada : P1T5;
- Gred B31 ialah pada : P1T4); atau

(d) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (*Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17 : P1T2); atau

(e) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (*Senior Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17 : P1T3); atau

(f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (*Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17 : P1T3); atau

(g) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (*Senior Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti di bidang seni foto dan/ atau kamera filem atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17 : P1T4).

UJIAN KHAS

Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

9. JAWATAN : JURUTEKNIK, GRED J17/J22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred J17 : P1T9); dan

   (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

10. JAWATAN : PEREKA, GRED B17/18/B21/22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

(c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan

(i) (a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; dan

(b) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau

(ii) (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; dan

(b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(iii) (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut; dan

(b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B21

(d) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti; dan

(i) (a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; dan

(b) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau

(ii) (a) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; dan

(b) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(iii) (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Lukisan pada peringkat peperiksaan tersebut dan mempunyai pengalaman dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis; dan

(b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

UJIAN KHAS

Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

11. JAWATAN : PEMBANTU KESELAMATAN, GRED KP17/KP22

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
(ii) bekas anggota polis atau tentera yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
(iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
(iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
(v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

dan (e) calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawal Keselamatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

12. JAWATAN : ARTIS BUDAYA, GRED B17

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 - 25 tahun dan belum berkahwin pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan.

UJIAN KHAS

Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN (TAMBAHAN)

(a) Permohonan selain dari Kaum Bumiputera dialu-alukan.
(b) Sekeping gambar penuh berukuran 3R perlu disertakan.

SYARAT FIZIKAL

(a) Rupa paras yang menarik

(b)	Lelaki	:	Berat	-	Tidak melebihi 60kg
		:	Tinggi	-	Minimum 165cm
(c)	Perempuan	:	Berat	-	Tidak melebihi 50kg
		:	Tinggi	-	Minimum 157cm

13. JAWATAN : AHLI MUZIK, GRED B17

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun dan belum berkahwin pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan menguasai salah satu daripada alat muzik berikut:-

      i) Keyboard / 3 alat muzik lain
      ii) Perkusi / 3 alat muzik lain
      iii) Flute / 3 alat muzik lain
      iv) Violin / 3 alat muzik lain

UJIAN KHAS

Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

3. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,
D/A Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandar Raya,
40000 Shah Alam, Selangor.
(U/P : Unit Pengurusan Sumber Manusia)

(Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)

Sebelum atau pada : 23 MAC 2011

4. CATATAN AM

a) Calon-calon yang memohon lebih daripada satu jawatan hendaklah menggunakan borang berasingan.

b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.